

11 MAY 2002

Mahathir-Generasi

UMNO MESTI DIPERBAHARUI OLEH GENERASI MUDA, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata generasi muda dalam Umno mesti memperbaharui parti supaya ia terus relevan dalam perjuangan menegakkan agama, bangsa dan negara.

Dr Mahathir berkata generasi muda dalam Pergerakan Pemuda dan Puteri mesti melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan supaya apa yang Umno majukan selama ini dipertahankan.

"Generasi muda apabila ambilalih kepimpinan menggantikan kepimpinan lama, mereka akan pegang kuat pada semangat perjuangan Umno," katanya semasa berucap pada perhimpunan sempena sambutan ulang tahun ke-56 Umno di Stadium Malawati di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata generasi muda perlu sentiasa menyemat di dalam hati bahawa perjuangan Umno adalah satu perjuangan mulia yang memberi manfaat kepada semua.

"Umno sekarang ini berjaya menjadikan orang Melayu duduk sama tinggi dan sama rendah dengan orang lain. Kita mahu ianya dikekalkan apabila generasi muda nanti ambilalih kepimpinan," katanya.

Perjuangan Umno, katanya, menuntut supaya orang Melayu mencapai kejayaan dengan kebolehan dan pencapaian sendiri.

"Kita boleh lakukan apa sahaja, orang Melayu tidak lemah, orang Melayu tidak bodoh...orang Melayu tidak hilang semangat, kita ada kualiti sendiri," katanya.

"Malahan, ada orang Melayu yang sanggup naik gunung, naik bot seorang diri keliling dunia...demi untuk memperlihatkan pencapaian bangsa," katanya.

Dr Mahathir juga berdoa supaya hasrat seorang pemuda Melayu untuk berenang menyeberangi Selat Inggeris sejauh 46km akan tercapai.

Katanya, pemuda itu kini sedang berada di England untuk berlatih sebagai persediaan sebelum menempuh cabaran menyeberangi selat yang terkenal dengan arus deras dan kesejukan airnya.

"Saya harap bendera Malaysia akan dapat dikibarkan di sana supaya dunia terus mengiktiraf kejayaan orang Melayu yang serba boleh," katanya.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir yakin generasi muda dalam Pemuda dan Puteri mampu melakukan banyak perubahan dalam Umno.

Apa yang penting, katanya, Pemuda dan Puteri perlu lebih banyak membuat penerangan tentang Umno dan hasil daripada perjuangannya supaya ramai yang memilih parti itu.

Katanya, beliau yakin Umno akan terus memerintah negara apabila generasi muda mengambilalih kepimpinan kelak.

"Tentukan mereka bersatu, berdisiplin, tidak ada rebutan jawatan. Inshaallah Umno akan kekal sebagai parti yang memerintah negara kita," tambahnya.

-- BERNAMA

RIZ DC MOZ